

# MAFI kemuka usul tolak projek PSR

SA 17/6/2021 ms: 24

FOTO: BERNAMA

Kementerian itu juga akan buat usul tolak Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) bagi projek tersebut

Oleh SYAJARATULHUDA  
MOHD ROSLI

## BAYAN LEPAS

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak menolak kemungkinan mengemukakan cadangan agar kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) bagi Projek Tambakan Pulau Pinang Selatan (PSR) ditolak.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, ada kemungkinan kementerianya juga akan membuat usul kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Kementerian Alam Sekitar dan Air untuk menolak Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) bagi projek tersebut.

Menurutnya, perkara berkenaan adalah antara peranan dan tugas yang boleh diambil kementerianya selepas melihat kepada kesan buruk projek tersebut terutamanya terhadap hasil pengeluaran ikan negara.

“Kemungkinan itu (meminta EMP tidak diluluskan) memang sentiasa ada. Kita akan lebih cuba meneliti apa-apa peranan dan tugas yang boleh kita laksanakan (dalam memastikan projek PSR dibatalkan),” katanya pada sidang akhbar di Pasar Nelayan



Che Abdullah (kanan) mendengar penerangan daripada Ketua Unit Nelayan Sungai Batu, Zakaria Ismail mengenai masalah yang akan dihadapi para nelayan sekiranya Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR) dijalankan.

Teluk Kumbar di sini pada Rabu.

Sebelum itu, beliau membuat tinjauan dan bertemu komuniti nelayan di Sungai Batu dan Teluk Kumbar bagi memperolehi maklum balas terhadap projek PSR itu.

Mengulas mengenai maklum balas Ketua Menteri, Chow Kon Yeow terhadap kenyataannya mengenai PSR sebelum ini, Che Abdullah berkata, sebagai pemimpin nombor satu Pulau Pinang, Kon Yeow sepatutnya melihat kesan PSR dengan skop yang lebih besar.

“Saya meneliti maklum balas Ketua Menteri sebelum ini antaranya akan menyediakan alur atau laluan kepada nelayan untuk ke laut sekiranya projek itu diteruskan. Isunya bukan pasal sediakan alur untuk laluan nelayan ke laut atau tidak.

“Saya tidak faham kenapa isu ini dibawa kepada perbincangan sangat kecil seperti itu, sedangkan kita melihat kepada kerosakan keseluruhan

habitat perikanan, tentang nelayan yang hilang punca rezeki yang tidak akan terbayar dengan apa-apa nilai pampasan atau ex-gratia kerajaan negeri,” katanya.

Tegas beliau, Kon Yeow sepatutnya melihat isu projek PSR dalam skop yang lebih besar iaitu kesan jangka panjang kepada nelayan dan habitat hidupan marin di kawasan yang akan ditambah.

“Saya difahamkan, projek ini akan mengancam 87 spesies hidupan laut antaranya bawal putih; bawal tambak; udang kaki merah; udang harimau dan udang putih. Semua spesies ini mendatangkan pulangan lumayan kepada nelayan.

“Selain itu, hasil pendaratan perikanan dari kawasan PSR dan kawasan yang bakal terkesan dengan projek itu juga dianggarkan sebanyak 13,418.11 tan setahun atau 24.5 peratus dari keseluruhan hasil pendaratan di Pulau Pinang,” katanya.